



# KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	2/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	PERHILITAN			

## Wujudkan Unit Jenayah Hidupan Liar

Kerajaan perlu ambil serius insiden pencetus jenayah global hidupan liar

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Unit Jenayah Hidupan Liar atau Wildlife Crime Unit (WCU) perlu diwujudkan sebagai unit khas di bawah Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memberantas jenayah hidupan liar pada peringkat antarabangsa.

Tabung Alam Malaysia (WWF) dalam satu kenyataan bersama berkata, unit tersebut boleh menggunakan undang-undang sedia ada dengan lebih efektif untuk mengesan pergerakan wang yang diperoleh daripada kegiatan haram.

Menurut mereka, WCU juga berpotensi memantapkan lagi



Rondaan bersama ke Taman Negeri Royal Belum oleh renjer Taman Negeri Perak dan WWF Malaysia.

kerjasama antara agensi penguatkuasaan meliputi bidang kuasa seperti kastam dan imigresen.

"WCU boleh menyasat jenayah hidupan liar di setiap peringkat bermula daripada pemburu haram, pembeli dan pengguna sehingga ke peringkat dolang.

"Nepal dan Thailand telah mewujudkan unit seperti itu dan berjaya meningkatkan kadar pemuliharaan haiwan di negara mereka," kata kenyataan itu pada

Sabtu.

Kenyataan bersama itu melibatkan kerjasama Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Wildlife Society of Selangor.

Dalam pada itu, WWF berkata, Nepal berjaya menggandakan bilangan harimau dengan menubuhkan Jawatankuasa Konservasi Harimau Kebangsaan yang diketuai oleh Perdana Menteri mereka sendiri pada tahun 2018.

Di India, Project Tiger diper-



kenalkan pada tahun 1970 dan kini mereka mempunyai Lembaga Pemuliharaan Harimau Kebangsaan tersendiri untuk menyalia semua perkara berkaitan harimau.

WWF menggesa kerajaan untuk menubuhkan Jawatankuasa Konservasi Harimau Kebangsaan dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk membuat keputusan mengenai dasar, peruntukan sumber, penguatkuasaan dan pengurusan tanah.

"Pendekatan bersepadu melibatkan kementerian, agensi persekutuan dan negeri serta sektor swasta amat perlu bagi menjayakan usaha-usaha pemuliharaan harimau.

"Pada masa yang sama, jawatankuasa yang dipengerusikan oleh perdana menteri boleh membawa pihak berkepentingan untuk bersama-sama mencapai misi tunggal bagi melindungi simbol negara kita," kata WWF.